

## **Disclaimer**

While Bank Rakyat has taken great care to ensure the validity, accuracy and completeness of this website, all or any of the materials and information (including materials and information provided by third parties) contained in this website including but not limited to services, products, information, data, text, graphics, audio, video, links or other items are provided on an "as is" and "as available" basis without any statutory, express or implied warranty and/or representation of any kind whatsoever.

Bank Rakyat specifically disclaims any warranty of merchantability or fitness for a particular purpose, warranty of title, non-infringement of intellectual property rights, accuracy, completeness and currentness of the materials and information therein and expressly disclaims liability for errors and/or omissions in such materials and/or information.

Further Bank Rakyat does not warrant that the materials and/or information contained therein shall be provided continuously or in an uninterrupted manner or that it shall be free from errors or that any defect, whether detected by Bank Rakyat or not, shall be corrected. Bank Rakyat also does not warrant that the materials and/or information shall be without delays, failures, errors or loss of transmitted information and that no viruses of any kind or variant whatsoever or other destructive properties shall be transmitted or that no damage shall occur to your computer or to the computer you are accessing this website from.

Should you choose to rely on all or any of the materials and/or information in the third-party website, you do so at your own judgment and any risk occasioned by it shall be borne entirely by you. Bank Rakyat, its directors, officers, employees or agents shall not be held out as giving advise with respect to any or all of the materials and/or information in the third-party website and further Bank Rakyat, its directors, officers, employees or agents shall have no responsibility or liability whatsoever to you with respect to any or all of the materials and/or information in the third-party website.

## **Terms and Conditions to the 3<sup>rd</sup> Party Portal - English**

### **1.0 Definitions and interpretations**

Unless the context otherwise requires, the following shall have the following meanings:

<b>“3<sup>rd</sup> Party Service”</b>	means external service offered by Experian. The service includes but not limited to Internet surveillance and identity restoration;
<b>“Bank”, “Us”, “We”, “Our” “Bank Rakyat”</b>	means Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad ;
<b>“Customer”, “you”, “your”</b>	means any customer that subscribes to the 3 <sup>rd</sup> Party Service
<b>“Experian”</b>	means the partner company that has entered into an agreement with Bank Rakyat to offer a special or exclusive offer to the Bank’s customer(s);
<b>“3<sup>rd</sup> Party Portal”</b>	means the interactive web portal which enable Customer to enrol and receive monitoring services in relation to data and other information provided by the Customer to Experian.

### **2.0 General**

#### **2.1 Overview**

Below are terms and conditions that govern the use of 3<sup>rd</sup> Party Service offered by Bank Rakyat to the eligible customers. The Customer’s continued use and/or access to the 3<sup>rd</sup> Party Service via the 3rd Party Portal is considered to be the Customer’s acceptance of these current terms and conditions.

#### **2.2 Limitation of Liability**

The Customer expressly understands and agrees that Bank Rakyat shall not be liable for any direct, indirect, incidental, special, consequential, or exemplary damages, including but not limited to, damages for loss of profits, goodwill or other intangible losses resulting from:

- your use or inability to use the 3<sup>rd</sup> Party Service via the 3<sup>rd</sup> Party Portal;
- any unauthorized access to or alteration of your transmission or information while accessing the 3<sup>rd</sup> Party Service; or
- any other matter relating to the 3<sup>rd</sup> Party Service and/or usage via the 3<sup>rd</sup> Party Portal.

## 2.3 Links

Upon acceptance of this offer, the Customer will be granted access to the 3<sup>rd</sup> Party Service via the 3<sup>rd</sup> Party Portal. The 3<sup>rd</sup> Party Service includes, but is not limited to, monitoring your personal information for signs of potential identity theft and fraudulent activity.

Access to the 3<sup>rd</sup> Party Portal: To access the 3<sup>rd</sup> Party Portal, the Customer will receive a link provided by Bank Rakyat via email. The link will direct the Customer to the 3<sup>rd</sup> Party Portal where the Customer can activate and manage the identity monitoring service.

Service Activation: The 3<sup>rd</sup> Party Service will be activated once the Customer accepts the terms and click the "Accept" button. By doing so, the Customer agrees to be monitored for identity theft, and the Customer understands that Bank Rakyat does not provide any of the Customer's personal information to Experian. Instead, the Customer will access the 3<sup>rd</sup> Party Portal directly for the 3<sup>rd</sup> Party Service.

Responsibility for Link Use: The Customer is responsible for ensuring the link provided is used properly and only by the Customer. The Customer should not share the access link with unauthorized third parties. The Bank is not liable for any misuse or unauthorized access through the link. Access to the 3<sup>rd</sup> Party Portal shall be at the Customer's sole risk and Bank Rakyat shall not be responsible or liable for any damages in connection with linking and any terms and conditions in the 3<sup>rd</sup> Party Portal stipulated therein, if any.

## 3.0 Limitation of our liability

The Customer agrees that all risks associated with your access to the 3<sup>rd</sup> Party Service shall be borne by the Customer.

The Customer agrees that the risk passes to the Customer upon subscribing to the 3<sup>rd</sup> Party Service. Bank Rakyat does not control or endorse the content, messages or information found in the 3<sup>rd</sup> Party Service, and we hereby disclaim any liability arising therefrom and any actions resulting from the Customer's use of the 3<sup>rd</sup> Party Service.

Bank Rakyat shall not be liable and shall not be responsible for any loss, damage, liability or expenses arising from claims of any nature including but not limited to cyber security threats, invasion of privacy, infringement of Intellectual Property Rights and breach of any laws or regulations arising from the use of, and reliance on the 3<sup>rd</sup> Party Service by the Customer.

Customer will not be required to pay any fees for accessing or activating the 3rd Party Service for a period of 12 months. Prior to the expiry of the 12 months, the Customer will be notified of the expiry of the subscription to the 3<sup>rd</sup> Party Service via email and such benefits will cease upon 12 months.

## **Penafian**

Walaupun Bank Rakyat telah mengambil setiap langkah yang wajar untuk memastikan kesahihan, ketepatan dan kesempurnaan laman sesawang ini, semua atau mana-mana bahan dan maklumat (termasuk bahan dan maklumat yang disediakan oleh pihak ketiga) yang terkandung dalam laman sesawang ini termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan, produk, maklumat, data, teks, grafik, audio, video, pautan atau butiran lain adalah disediakan secara "seadanya" dan "yang tersedia" tanpa sebarang jaminan berkanun, tersurat atau tersirat dan/atau representasi dalam apa juu bentuk. Bank Rakyat secara khusus menafikan sebarang jaminan kebolehdagangan atau kelayakan untuk tujuan tertentu, jaminan hak milik, ketidakpelanggaran hak harta intelektual, ketepatan, kesempurnaan dan kesinambungan bahan dan maklumat di dalamnya dan dengan jelas menafikan liabiliti untuk kesilapan dan/atau ketinggalan dalam apa-apa bahan dan/atau maklumat. Bank Rakyat secara khususnya menafikan sebarang waranti kebolehdagangan atau kelayakan untuk maksud tertentu, waranti hak milik, pelanggaran hak harta intelektual, ketepatan, kesempurnaan dan kekinian bahan dan maklumat di dalamnya dan dengan jelas menafikan liabiliti untuk sebarang ralat dan/atau ketinggalan dalam apa-apa bahan dan/atau maklumat.

Selanjutnya, Bank Rakyat tidak menjamin bahawa bahan dan/atau maklumat yang terkandung di dalamnya akan disediakan secara berterusan atau tanpa gangguan atau bebas ralat atau apa-apa kesilapan, sama ada yang dikesan oleh Bank Rakyat atau tidak, akan diperbetulkan. Bank Rakyat juga tidak menjamin bahawa bahan dan/atau maklumat tersebut adalah tanpa sebarang kelewatan, kegagalan, ralat atau kehilangan maklumat yang dihantar dan bahawa tiada apa-apa jenis virus atau variasi atau apa-apa perkara pemusnah yang lain akan terhantar atau bahawa tiada kerosakan akan berlaku kepada komputer anda atau komputer yang anda gunakan untuk mengakses laman sesawang ini.

Sekiranya anda memilih untuk bergantung kepada semua atau mana-mana bahan dan/atau maklumat dalam laman sesawang ini, anda berbuat demikian atas pertimbangan anda sendiri dan sebarang risiko yang ditanggung olehnya akan ditanggung sepenuhnya oleh anda. Bank Rakyat, pengarah, pegawai, pekerja atau ejennya tidak boleh dipertimbangkan sebagai memberikan nasihat berkenaan dengan mana-mana atau semua bahan dan/atau maklumat dalam laman sesawang ini dan seterusnya Bank Rakyat, pengarah, pegawai, pekerja atau ejennya tidak mempunyai sebarang bertanggungjawab atau liabiliti kepada anda berkenaan dengan mana-mana atau semua bahan dan/atau maklumat yang terkandung dalam laman sesawang ini.

## **Terma dan Syarat untuk Portal Pihak Ketiga – Bahasa Melayu**

### **1.0 Definisi dan tafsiran**

Melainkan apa-apa yang dimaksudkan sebaliknya, berikut adalah maksud bagi perkara-perkara berikut:

<b>“Perkhidmatan Pihak Ketiga”</b>	bermaksud perkhidmatan luar yang ditawarkan oleh Experian. Perkhidmatan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pengawasan Internet dan pemulihan identiti;
<b>“Bank”, “kami”, “Bank Rakyat”</b>	bermaksud Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad;
<b>“Pelanggan”, “anda”,</b>	bermaksud mana-mana pelanggan yang melanggan Perkhidmatan Pihak Ketiga;
<b>“Experian”</b>	bermaksud syarikat rakan kongsi yang mempunyai perjanjian dengan Bank Rakyat untuk menawarkan tawaran istimewa/ eksklusif kepada pelanggan Bank Rakyat;
<b>“Portal Pihak Ketiga”</b>	bermaksud satu portal sesawang interaktif yang membolehkan Pelanggan untuk mendaftar dan menerima perkhidmatan pemantauan berkenaan dengan data dan maklumat lain yang diberikan oleh Pelanggan kepada Experian.

### **2.0 Umum**

#### **2.1 Ringkasan keseluruhan**

Berikut adalah terma dan syarat yang mengawal penggunaan Perkhidmatan Pihak Ketiga yang ditawarkan oleh Bank Rakyat kepada pelanggan yang terpilih. Penggunaan dan/atau akses berterusan kepada Perkhidmatan Pihak Ketiga melalui Portal Pihak Ketiga oleh Pelanggan dianggap sebagai penerimaan Pelanggan terhadap terma dan syarat ini.

#### **2.2 Had liabiliti**

Pelanggan dengan jelas memahami dan bersetuju bahawa Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan langsung, tidak langsung, sampingan, khas, berbangkit atau teladan, termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi untuk kehilangan keuntungan, muhibah atau kerugian tidak ketara yang lain disebabkan oleh:

- penggunaan atau ketidakupayaan Pelanggan untuk menggunakan Perkhidmatan Pihak Ketiga melalui Portal Pihak Ketiga.
- apa-apa akses tanpa kebenaran kepada atau pengubahsuaian penghantaran atau maklumat semasa penggunaan Perkhidmatan Pihak Ketiga oleh Pelanggan; atau
- apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pihak Ketiga dan/atau penggunaan melalui Portal Pihak Ketiga.

### **2.3 Pautan**

Selepas penerimaan tawaran ini, Pelanggan akan diberikan akses kepada Perkhidmatan Pihak Ketiga melalui Portal Pihak Ketiga. Perkhidmatan Pihak Ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada, pemantauan maklumat peribadi anda untuk tanda-tanda potensi kecurian identiti dan aktiviti penipuan.

Akses kepada Portal Pihak Ketiga: Untuk mengakses Portal Pihak Ketiga, Pelanggan akan menerima pautan yang diberikan oleh Bank Rakyat melalui e-mel. Melalui pautan tersebut, Pelanggan boleh mengaktifkan dan menguruskan perkhidmatan pemantauan identiti.

Pengaktifan Perkhidmatan: Perkhidmatan Pihak Ketiga akan diaktifkan sebaik sahaja Pelanggan menerima terma dan menekan butang "Terima". Dengan berbuat demikian, Pelanggan bersetuju untuk dipantau bagi kecurian identiti, dan Pelanggan memahami bahawa Bank Rakyat tidak memberikan sebarang maklumat peribadi Pelanggan kepada Experian. Sebaliknya, Pelanggan akan mengakses Portal Pihak Ketiga secara terus untuk Perkhidmatan Pihak Ketiga.

Tanggungjawab untuk Penggunaan Pautan: Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan pautan yang diberikan digunakan dengan betul dan hanya digunakan oleh Pelanggan. Pelanggan tidak seharusnya berkongsi pautan akses dengan pihak ketiga yang tidak dibenarkan. Bank tidak bertanggungjawab untuk sebarang penyalahgunaan atau akses tanpa kebenaran melalui pautan. Akses kepada Portal Pihak Ketiga adalah atas risiko tunggal Pelanggan dan Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang berkaitan dengan pemautan dan sebarang terma dan syarat dalam Portal Pihak Ketiga yang ditetapkan di dalamnya, jika ada.

### **3.0 Had Liabiliti Kami**

Pelanggan bersetuju bahawa semua risiko yang berlaku semasa pengaksesan Perkhidmatan Pihak Ketiga adalah ditanggung oleh Pelanggan.

Pelanggan bersetuju bahawa risiko berpindah kepada Pelanggan apabila Pelanggan melanggar Perkhidmatan Pihak Ketiga. Bank Rakyat tidak mengawal atau menyokong kandungan, mesej atau maklumat yang terdapat dalam Perkhidmatan Pihak Ketiga, dan kami dengan ini menafikan sebarang liabiliti yang timbul daripadanya dan sebarang tindakan hasil daripada penggunaan Perkhidmatan Pihak Ketiga oleh Pelanggan.

Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul daripada sebarang tuntutan termasuk tetapi tidak terhad kepada ancaman keselamatan siber, pencerobohan privasi, pelanggaran Hak Harta Intelek dan pelanggaran mana-mana undang-undang atau peraturan yang timbul daripada penggunaan dan pergantungan pada Perkhidmatan Pihak Ketiga oleh Pelanggan.

Pelanggan tidak perlu membayar sebarang yuran untuk mengakses atau mengaktifkan Perkhidmatan Pihak Ketiga untuk tempoh 12 bulan. Sebelum tamat tempoh 12 bulan, Pelanggan akan dimaklumkan mengenai tamat tempoh langganan Perkhidmatan Pihak Ketiga melalui e-mel dan segala perkhidmatan semasa langganan tersebut akan dihentikan selepas 12 bulan.